

06/06/2000

DAP, Keadilan tidak mampu bantu masyarakat India

PORT DICKSON, Isnin - DAP tidak berhak mengkritik MIC dalam membela nasib masyarakat India kerana pengerusi parti itu, Lim Kit Siang tidak memperjuangkan kaum itu, sebaliknya cuba memusnahkan usaha menaikkan taraf hidup mereka.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata jika Kit Siang mendakwa pernah memikirkan masyarakat itu mengapa pula beliau menentang permintaan MIC mendapatkan RM100 juta di Parlimen untuk tabung khas bagi membantu masyarakat berkenaan.

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan masyarakat India di Ladang Guthrie, Lukut hari ini Menteri Kerja Raya itu berkata: "DAP dan juga Parti Keadilan Nasional (Keadilan) tidak mampu membantu masyarakat India berbanding kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pelbagai usaha dijalankan kerajaan, termasuk cadangan pelaksanaan gaji minimum.

"Orang Keadilan patut tanya bos mereka (bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim) apa yang dilakukannya ketika berada dalam kerajaan selama 13 tahun dulu dan tidak melayan permintaan kita."

Samy Vellu berkata, Kit Siang sebenarnya seorang ahli politik seperti mayat hidup dan apa yang dikatakannya tidak akan dipercayai oleh rakyat negara ini.

Katanya, penduduk Pulau Pinang sudah menghukumnya dan beliau sepatutnya berhenti daripada arena politik dan cara politiknya tidak boleh diterima oleh rakyat, termasuk masyarakat India.

Beliau berkata, MIC sentiasa memberi perhatian pendidikan anak-anak masyarakat India dan untuk itu tabung khas, MIED diwujudkan yang sejak ditubuhkan memberi manfaat kepada mereka yang memerlukan pembiayaan.

Samy Vellu juga berterima kasih kepada Ahli Exco, Datuk Dr Yeow Chai Thiam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lukut yang turut membantu masyarakat India.

"Sebagai pemimpin BN, beliau dapat menyelesaikan masalah dihadapi penduduk India, termasuk mereka yang terbabat dalam wabak Japanese Encephalitis (JE) dan virus Nipah," katanya.

(END)